

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2023

AKHBAR : METRO AHAD

MUKA SURAT : 16

Ekonomi kita berdaya tahan



Permintaan domestik yang kekal membe-rangsangkan pada suku kedua (S2) tahun 2023 menyokong ekonomi Malaysia, meskipun negara turut terkesan akibat kedinginan pasaran global.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan berkata, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia pada S2 2023 berkembang 2.9 peratus dan menjadikan pertumbuhan ekonomi pada separuh pertama 2023 kepada 4.2 peratus.

Kadar pertumbuhan pada separuh pertama tahun ini sejajar unjuran kerajaan sebanyak 4.0 peratus hingga 5.0 peratus untuk keseluruhan tahun 2023.

Permintaan domestik kekal ampuh pada S2 2023 dengan peningkatan 4.5 peratus manakala jumlah perdagangan luar mengucup 11.9 peratus kepada RM643.4 bilion pada S2 2023.

Perbelanjaan awam dan swasta menjadi pemuac pertumbuhan ekonomi, dengan kedua-dua sektor berkenaan masing-masing meningkat 4.6 peratus dan 4.5 peratus.

Dari sudut penawaran, perkembangan ekonomi Malaysia pada S2 2023 disokong peningkatan dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan.

Sektor pembinaan mencatat kadar pertumbuhan tertinggi sebanyak 6.2 peratus diikuti sektor perkhidmatan (4.7 peratus) dan sektor pembuatan (0.1 peratus).

"Dalam keadaan pasaran global yang mencabar, ekonomi Malaysia mampu berdaya tahan dan menganjak pertumbuhan.


Kadar inflasi menurun daripada 2.8 peratus pada Mei 2023 kepada 2.4 peratus pada Jun 2023.

"Pengguguran mencatat kadar terendah pascapandemik iaitu 3.4 peratus pada Jun 2023 berbanding 3.5 peratus pada Mei 2023," kata Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Inflasi domestik Malaysia pada Jun 2023 adalah rendah berbanding sesetengah ekonomi maju dan serantau seperti UK (7.9 peratus), Filipina (5.4 peratus), Singapura (4.5 peratus), Indonesia (3.5 peratus) dan Amerika Syarikat (3 peratus).

Kerajaan yakin kekal unjuran pertumbuhan ekonomi 4.0 peratus hingga 5.0 peratus untuk 2023.

Bagi separuh kedua tahun



SEKTOR pembinaan mencatat kadar pertumbuhan tertinggi sebanyak 6.2 peratus diikuti sektor perkhidmatan (4.7 peratus) dan sektor pembuatan (0.1 peratus).

EKONOMI KITA BERDAYA TAHAN

Separuh pertama 2023 catat pertumbuhan 4.2 peratus dengan permintaan domestik jadi tulang pengembangan ekonomi



PERKEMBANGAN ekonomi Malaysia pada S2 2023 disokong peningkatan dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan.

"Pengguguran mencatat kadar terendah pascapandemik iaitu 3.4 peratus pada Jun 2023 berbanding 3.5 peratus pada Mei 2023"

2023, permintaan luaran dijangka terus terkesan dengan ketidakpastian global, iaitu ketegangan situasi politik, gangguan dalam rantai bekalan berterusan, dasar monetari ketat untuk

urjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus.

"Landskap ekonomi dalam negeri kekal utuh berdasarkan statistik yang ada. Bagi memacu pertumbuhan dalam negeri, kerajaan mengekalkan dasar fiskal responsif dan meneruskan usaha mempercepat pencapaian pelaburan yang

diluluskan, serta menyege-

rakan pelaksanaan projek kerajaan," katanya.

Sejajar dengan kerangka Ekonomi MADANI, kertas dasar yakni Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, dan Belanjawan 2024 memperhalusi strategi dan langkah untuk menstruktur semula ekonomi Malaysia, serta menjamin pembangu-

nan inklusif untuk rakyat.

Aspek tumpuan termasuk menambah baik proses untuk mengendalikan perniagaan, membawa pelaburan berkualiti untuk menjana pekerjaan bergaji lebih tinggi, memastikan tatakelola baik dan memperkukuh perkhidmatan awam berkualiti serta prasarana lebih baik bagi mempertingkatkan mutu hidup rakyat.